



Dari kiri Chean Chung, Boon Chye, Boo Teik, Jomo Kwame dan Ahmad Fahmi pada majlis pelancaran Buku 'Anwar Ibrahim: Tenacious in Dissent, Hopeful in Power' di Petaling Jaya, semalam. (Foto ihsan ABIM)

Perjalanan politik PM dihimpun dalam 'Anwar Ibrahim: Tenacious in Dissent, Hopeful in Power'

Kuala Lumpur: Perjalanan hidup Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai nasionalis Melayu, aktivis Islam dan pemimpin politik yang memasang harapan serta tekad mengubah nasib rakyat, kini terhimpun dalam sebuah buku yang dilancarkan kelmarin.

Naskhah berjudul *Anwar Ibrahim: Tenacious in Dissent, Hopeful in Power* hasil tulisan Prof Dr Khoo Boo Teik itu, antara lain turut mengimbuai pengalaman Anwar dalam kera-

jaan dan politik.

Ia turut menceritakan ketabahan bekas Presiden Angkatan Belia Islam (ABIM) dan kini Perdana Menteri Ke-10 mengharungi cabaran serta dugaan sebagai reformis dan pemimpin pembangkang yang berjaya bangkit melalui kepayahan dan cabaran.

Pelancaran buku itu disempurnakan pada majlis dihadiri Presiden ABIM, Ahmad Fahmi Mohd Samsudin; Penasihat Kanan Institut Penyelidikan Khazanah,

Prof Jomo Kwame Sundaram; bekas Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye dan Ahli Parlimen Petaling Jaya, Lee Chean Chung.

Dalam satu kenyataan semalam, ABIM memaklumkan, buku berkenaan menganalisis perjalanan perjuangan Anwar selama lebih 50 tahun sebagai pemimpin yang dipilih sebagai bakal Perdana Menteri sebelum berubah menjadi reformis teraniaya.